

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014

SOALAN :

YB. Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah usaha-usaha promosi Kementerian untuk menambahkan ketibaan pelancong di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, memandangkan setelah begitu lama siapnya lapangan tersebut kegunaannya masih jauh di bawah tahap kapasitinya dan under *utilised*.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, sebanyak lima buah syarikat penerbangan iaitu Malaysia Airlines, Air Asia, Firefly, Malindo Airlines dan Berjaya Air menyediakan perkhidmatan penerbangan **domestik** ke Terengganu dengan kekerapan penerbangan sebanyak 107 kali seminggu dan jumlah tempat duduk sebanyak 11,400. Di samping itu, perkhidmatan penerbangan **antarabangsa** dari Singapura ke Terengganu juga disediakan oleh Air Asia dan Berjaya Air (Pulau Redang) dengan kekerapan penerbangan sebanyak 6 kali seminggu dan jumlah tempat duduk sebanyak 684.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk menambah ketibaan pelancong ke Terengganu, termasuk ketibaan pelancong ke Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu, pelbagai program promosi telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui agensinya Tourism Malaysia. Antara program promosi yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- 1) Mempromosikan Terengganu semasa penyertaan Tourism Malaysia dalam pameran pelancongan *trade* dan konsumer di peringkat domestik iaitu semasa pameran MATTA Fair, MITM Travel Fair serta *Corporate Travel Bazaar* (CTB);

- 2) Melibatkan pemain industri pelancongan dari Terengganu dalam pameran dan Misi Galakan ke luar negara di mana para pengusaha pelancongan terlibat berpeluang untuk berjumpa dan memperkenalkan pakej-pakej istimewa kepada pengusaha pelancongan di pasaran berkaitan;
- 3) Menyediakan risalah dan bahan promosi berkaitan negeri Terengganu untuk disebarikan kepada pelancong dan pengusaha pelancongan melalui 14 Pejabat Tourism Malaysia Negeri, 22 Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di seluruh negara, melalui 44 Pejabat Tourism Malaysia di luar negara serta di pameran-pameran antarabangsa yang disertai;
- 4) Menganjurkan lawatan suaikenal bagi memberi peluang dan pengalaman kepada para pengusaha pelancongan & media tempatan serta asing mengenai keunikan negeri Terengganu;
- 5) Melaksanakan kempen pengiklanan tematik dan taktikal melalui media cetak, elektronik serta melalui media sosial seperti Facebook dan Twitter di pasaran domestik dan antarabangsa;
- 6) Mempromosikan pakej – pakej pelancongan Negeri Terengganu melalui pembangunan 'Cuti-cuti 1Malaysia 1001 Packages'. Antara pakej-pakej lain yang dipromosikan adalah Terengganu *Bike Ride*, pakej pulau & pantai, homestay, *eco & adventure* dan lain-lain;

- 7) Membantu kerajaan negeri di dalam mempromosikan acara-acara pelancongan seperti Redang Perhentian Fiesta, Temasya Pantai Timur, Pesta Candat Sotong, Tebu *Mountain Challenge* dan Perhentian *Island Challenge*.

Sekian, terima kasih.